



MAJLIS PERBANDARAN KLUANG

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA –PENJAJA

SYARAT – SYARAT PERMOHONAN:

1. Warganegara Malaysia.
2. Berumur 18 tahun ke atas.
3. Cadangan lokasi tapak perniagaan yang sesuai dan tidak melanggar peraturan. Sila rujuk senarai kawasan larangan aktiviti penjajaan.
4. Peniaga perlu bersedia untuk berpindah sekiranya kawasan perniagaan yang diluluskan terlibat dengan projek pembangunan atau isu-isu keselamatan awam.
5. Peniaga perlu mematuhi Undang-Undang Kecil Penjaja 2012 dan Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan 2012.

KAWASAN LARANGAN AKTIVITI PENJAJAAN:

1. Di hadapan atau berhampiran kawasan perniagaan gerai-gerai Majlis Perbandaran Kluang.
2. Di atas bahu jalan berhampiran jalan raya utama.
3. Di dalam kawasan 9 meter dari persimpangan jalan raya utama.
4. Di dalam kawasan yang mengganggu lalu lintas kenderaan dan pergerakan bebas pejalan kaki.
5. Di dalam kawasan lingkungan 100 meter di hadapan atau berhampiran sekolah atau bangunan pejabat kerajaan.
6. Di hadapan atau di dalam kawasan berhampiran kemudahan awam seperti pili bomba, kawasan landskap awam dan lain-lain kawasan yang diisytiharkan kawasan larangan.